

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : NASIONAL

Terkini COVID-19 1,143 pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam | 1,123 kes baharu disahkan, semalam | 380 jumlah kematian dicatat | 71,359 jumlah kes disahkan positif | 10,775 kes yang masih dirawat

Penularan COVID-19

1,143 lagi pesakit sembuh

1,123 jangkitan baharu semalam, 130 kes sedang dirawat di ICU

Oleh Rafidah Mat Ruzki
fidahruzuki@bh.com.my

Putrajaya: Pesakit sembuh daripada COVID-19 terus mencatatkan empat angka dengan 1,143 kes direkodkan setakat tengah hari semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata bilangan pesakit sembuh terkini itu menjadikan jumlah kumulatif sembuh daripada COVID-19 ialah 60,204 kes atau 84.4 peratus daripada jumlah keseluruhan.

Beliau berkata, sebanyak 1,123 jangkitan baharu COVID-19 juga dicatatkan semalam, menjadikan jumlah kes positif COVID-19 di negara ini sebanyak 71,359 kes, manakala

jumlah kes aktif dengan kebanyakannya COVID-19 pula 10,775 kes.

"Daripada jumlah kes baharu berkenaan, terdapat lima kes import yang mendapat jangkitan dari luar negara, manakala penularan COVID-19 dalam negara pula 1,118 kes.

"Negeri di Lembah Klang melaporkan jumlah kes harian sebanyak 490 kes atau 43.6 peratus. Sabah melaporkan jumlah kes harian tertinggi, iaitu 391 kes atau 34.8 peratus, diikuti Kuala Lumpur dengan 265 kes atau 23.6 peratus.

"Sebanyak 40 kes atau 3.6 peratus yang dilaporkan pula berkaitan kluster di pusat tahanan sementara (PTS) dan penjara yang membabitkan Kluster PTS Sibuga (27 kes) dan Kluster Tembok (13 kes)," katanya dalam satu kenyataan media, semalam.

Dr Noor Hisham berkata, sehingga kini, terdapat 130 kes positif COVID-19 yang sedang dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU), dengan 54 kes memerlukan



Sabah melaporkan jumlah kes harian tertinggi, iaitu 391 kes.

Dr Noor Hisham Abdullah,
Ketua Pengarah Kesihatan

kan bantuan pernafasan.

Bagaimanapun, beliau berkata, sebanyak empat kematian dilaporkan semalam, menjadikan jumlah kumulatif kes kematian COVID-19 di Malaysia sebanyak

380 kes atau 0.53 peratus daripada jumlah keseluruhan kes.

Katanya, kematian ke-377 membabitkan seorang lelaki warganegara yang berusia 75 tahun meninggal dunia di Hospital Queen Elizabeth, Kota Kinabalu, yang mempunyai latar belakang penyakit darah tinggi.

"Kematian ke-378 membabitkan seorang lelaki warganegara berusia 61, di Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang, Johor yang mempunyai latar belakang penyakit asma.

"Seorang lelaki warganegara berusia 64 tahun, disahkan meninggal dunia dan jenazah mangsa dibawa ke Hospital Tawau, Sabah. Mangsa mempunyai latar belakang penyakit kencing manis, darah tinggi dan strok.

"Kementerian Kesihatan (KKM) turut merekodkan kematian seorang lelaki bukan warganegara berusia 64 tahun di Hospital Shah Alam, Selangor. Mangsa mempunyai latar belakang penyakit kencing manis dan darah tinggi," katanya.

Ahli farmasi terlatih sedia bantu program vaksinasi

Kuala Lumpur: Kerajaan diminta memberikan peluang kepada ahli farmasi yang terlatih untuk membantu pelaksanaan program vaksinasi COVID-19 di negara ini.

Presiden Persatuan Farmasi Malaysia, Amrahi Buang, berkata negara mempunyai ramai tenaga profesional terlatih yang mahir termasuk mempunyai kepakaran menyuntik vaksin.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kerajaan perlu mewujudkan polisi berhubung kebenaran ahli farmasi menyuntik vaksin kepada pengguna dengan latihan yang berkaitan perlu dijalankan bagi mereka yang bersedia memberikan perkhidmatan itu.

"Peranan ini sudah wujud di beberapa negara maju seperti United Kingdom, Amerika Syarikat dan Australia.

"Malah di Malaysia sendiri, terdapat juga ahli farmasi yang boleh menyuntik vaksin. Mereka mempunyai ilmu pengetahuan tinggi dan berupaya melakukannya," katanya melalui kenyataan, di sini, semalam.

Terdahulu, Kementerian Kesihatan (KKM) dijangka memantau penggunaan vaksin dibangunkan syarikat gergasi farmaseutikal, Pfizer dan BioNTech, di Britain.

Isa susulan pengumuman kerajaan negara itu menerima cadangan Agensi Perubatan dan Penjagaan Kesihatan (MHR) untuk meluluskan vaksin COVID-19 Pfizer-BioTech.

Pada masa sama, Amrahi berkata, ahli farmasi juga boleh membantu kerajaan dengan memberikan maklumat tepat mengenai vaksin COVID-19.

"Ahli farmasi sebagai profesional kesihatan berperanan menyampaikan maklumat tepat berkaitan vaksin dan program vaksinasi COVID-19 ini kepada masyarakat.

"Ini kerana begitu banyak berita negatif dan palsu dalam kalangan masyarakat khususnya di pelbagai platform media sosial berkaitan vaksin COVID-19," katanya.

Selain itu, beliau berkata, ahli farmasi boleh menjelaskan kesan sampingan dan kesan 'advers' yang mungkin berlaku selepas vaksin disuntik ke dalam badan.

Katanya, ahli farmasi juga berkeupayaan untuk mengumpul dan melaporkan setiap kesan advers kepada Bahagian Regulatori Farmasi Kebangsaan (NPRA).

Empat kluster baharu dikesan

Putrajaya: Empat kluster baharu dilaporkan semalam, membabitkan Sabah, Kuala Lumpur dan Selangor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata Kluster Batu Tiga di Tawau Sabah, membabitkan kes indeks yang dilaporkan positif COVID-19 pada 17 November lalu.

Beliau berkata, kes indeks dikesan hasil saringan individu bergejala dan setakat semalam, kluster ini sudah menjangkiti 28 individu.

Katanya, Kluster Jalan Domis pula dikesan di Penampang, Kota Kinabalu dan Tongod di Sabah, membabitkan kes indeks yang dilaporkan positif COVID-19 pada 29 November lalu, hasil saringan kontak rapat.

"Sehingga hari ini (semalam), sejumlah 132 individu sudah disaring, dengan seramai 12 kes dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

"Kementerian Kesihatan juga mengesan satu kluster di Klang, Selangor, dinamakan Kluster Andalas. Kes indeks dalam kluster ini dilaporkan positif CO-

VID-19 pada Khamis lalu hasil saringan individu bergejala.

"Sehingga hari ini (semalam), sejumlah 43 individu sudah disaring dan 16 kes dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini," katanya dalam kenyataan media, semalam.

Kluster terakhir membabitkan tapak binaan yang dikesan di Cheras, Titiwangsa dan Lembah Pantai di Kuala Lumpur.

Dr Noor Hisham berkata, Kluster Tapak Bina Bulatan dikesan melalui kes indeks yang dilaporkan positif COVID-19 pada Rabu lalu, hasil saringan sebelum ke luar negara.

Beliau berkata, sehingga semalam, sejumlah 319 individu sudah disaring, dengan 163 kes dikesan positif COVID-19 dalam kluster ini.

Katanya, sebanyak lima kluster diisytiharkan tamat semalam iaitu Kluster Fores, Kluster Aero, Kluster Sungei Way, Kluster Baki dan Kluster Seladah, menjadikan sebanyak 198 daripada 385 yang dilaporkan di negara ini, sudah tamat.

"Jumlah kluster aktif yang dipantau sebanyak 187 kluster.



Ujian saringan terhadap kira-kira 127,000 pekerja warga asing di Pulau Pinang telah dijalankan secara berperingkat. (Foto BERNAMA)

Daripada jumlah itu, sebanyak 49 kluster melaporkan pertambahan kes pada hari ini (semalam).

"Kluster yang melaporkan

pertambahan kes baharu tertinggi ialah Kluster Tapak Bina Bulatan (162 kes), Kluster Ria-30 (51 kes) dan Kluster Batu Tujuh (39 kes)," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 23

RUANGAN : DUNIA

Penularan COVID-19

Penggunaan vaksin bukan penamat pandemik: WHO

Semua pihak diingatkan terus waspada, elak risiko jangkitan wabak maut

Geneva: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) mengingatkan bahawa penggunaan vaksin untuk melawan pandemik COVID-19 tidak akan menamatkan virus pembunuh itu.

Pertubuhan itu mengingatkan supaya salah anggap dan memberi amaran jangan rasa terlalu selesa berikutan vaksin sudah hampir tersedia kerana ia tidak bermakna krisis sudah pun berakhir.

Pengarah Kecemasan WHO, Dr Michael Ryan, berkata penemuan vaksin tidak boleh disamakan dengan penamatan COVID-19.

"Vaksin ini secara sendirinya tidak akan menghapuskan virus COVID-19 dan ia tidak akan diperoleh semua orang pada awal tahun depan," kata pada sidang media secara maya, semalam.

Rabu lalu, Britain menjadi negara Barat pertama meluluskan sejenis vaksin untuk kegunaan umum, sekali gus memberi tekanan kepada negara lain untuk segera mengambil tindakan sama.

Ketua Pengarah WHO, Tedros Adhanom Ghebreyesus, berkata kemajuan pembangunan vaksin itu memberi kelegaan dan kini, 'cahaya di hujung terowong' su-



Petugas kesihatan di Hospital UMass Memorial Worcester, Massachusetts, Amerika Syarikat memberi rawatan kecemasan kepada pesakit COVID-19. (AFP)



Penemuan vaksin tidak boleh disamakan dengan penamatan COVID-19.

Dr Michael Ryan, Pengarah Kecemasan WHO

dah mula kelihatan.

"Bagaimanapun, WHO bimbang terdapat persepsi yang semakin berleluasa bahawa wabak ini sudah berakhir.

"Namun pada hakikatnya, ketika ini banyak tempat masih menyaksikan jangkitan tinggi virus ini, yang memberi tekanan besar kepada hospital, unit rawatan rapi dan kakitangan kesihatan.

"Wabak ini masih panjang dan keputusan yang dibuat pemimpin serta rakyat dalam masa beberapa hari mendatang akan menentukan perjalanan virus ini dalam jangka pendek dan bila wabak ini akhirnya akan berakhir," katanya.

Berdasarkan sumber rasmi terkini, wabak yang pertama kali dikesan di Wuhan, China setahun

lalu itu sudah menjangkiti lebih 66 juta orang termasuk mengorbankan lebih 1.5 juta mangsa di 218 negara di seluruh dunia.

Ketua teknikal COVID-19 WHO, Maria Van Kerkhove, pula berkata keputusan itu boleh memberi erti antara 'hidup dan mati' kepada kita semua dan keluarga masing-masing.

Berdasarkan rekod keseluruhan WHO berhubung pembangunan vaksin, kini terdapat 51 vaksin berpotensi sedang diuji ke atas manusia termasuk 13 daripadanya sudah mencapai ujian secara besar-besaran pada peringkat akhir.

Sebanyak 163 vaksin lagi sedang dibangunkan di makmal, yang seterusnya akan diuji ke atas manusia. AFP

Penggodam cuba curi data rahsia perdagangan

New York: Syarikat pengeluar bekalan vaksin COVID-19 kini menjadi sasaran kumpulan penggodam ketika seluruh dunia menantikan penghantaran.

IBM memberi amaran bahawa kumpulan penggodam dikesan cuba mencuri data rahsia perdagangan dengan tujuan mengganggu rantaian bekalan vaksin itu.

Menurut hantaran blog dua penganalisis IBM X-Force, Claire Zaboeva dan Melissa Frydrych, IBM mengesan beberapa siri serangan siber terhadap pihak yang terlibat dalam pengeluaran vaksin itu.

"Ketua Pengarah Suruhanjaya Eropah untuk Kesatuan Cukai dan Kastam serta syarikat di Eropah dan Asia yang terlibat dalam rantaian bekalan turut menjadi sasaran serangan penggodam.

"Pasukan kami mengesan kempen serangan 'phishing' data global yang menyasarkan pertubuhan berkaitan rangkaian bekalan Covid-19," katanya.

Tambah mereka, penggodam mungkin mahu mendapatkan kelayakan mengakses maklumat tidak sah ke rangkaian korporat dan maklumat sensitif yang berkaitan dengan pengedaran vaksin COVID-19 pada masa hadapan.

"Tidak jelas sama ada serangan itu berjaya dan tidak dapat dipastikan siapa dalang di belakang serangan itu.

"Penggodam menyamar sebagai eksekutif dan pekerja mawakli Haier Biomedical dan menghantar e-mel 'phishing' kepada syarikat penyedia sokongan untuk keperluan pengangkutan rangkaian bekalan COVID-19," katanya. AGENSI

Bahrain negara kedua luluskan Pfizer-BioNTech

Manama: Bahrain kelmarin mengumumkan kelulusan penggunaan kecemasan vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech, menjadikannya negara kedua selepas Britain yang memberi lampu hijau kepada vaksin itu.

Media rasmi, *Bahrain News Agency* (BNA) melaporkan, pengumuman itu dibuat oleh Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Pihak Berkuasa Kawal Selia Kesihatan Kebangsaan, Mariam al-Jalahma.

"Kelulusan vaksin Pfizer/BioNTech akan menambah satu lagi lapisan penting kepada strategi tindak balas COVID-19 kebangsaan negara ini," katanya dalam satu kenyataan.

Manama tidak menyatakan secara khusus bila negara itu akan

menggunakan vaksin yang dihasilkan gergasi farmaseutikal Amerika Syarikat (AS), Pfizer dan rakan kongsinya dari Jerman, BioNTech itu.

Rabu lalu, Britain memaklumkan, negara itu meluluskan vaksin COVID-19 terbabit untuk kegunaan umum dan merancang untuk mula menggunakannya minggu depan.

Bulan lalu, Bahrain, yang sejak ini merekodkan lebih 87,000 kes COVID-19 dengan 342 kematian, meluluskan penggunaan vaksin Sinopharm oleh China bagi pekerja kesihatan barisan hadapan.

Wakil Pfizer di negara Teluk, Lindsey Dietschi, yang dipetik BNA, berkata kelulusan ini adalah matlamat yang mereka usa-

hakan sejak kali pertama mengisytiharkan bahawa sains akan menang.

Britain kelmarin menegaskan bahawa kelulusan pertama di dunia yang diberikan kepada vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech itu memenuhi semua standard keselamatan.

Kenyataan itu dibuat bagi mengurangkan kegelisahan awam selepas pegawai AS dan Eropah mempersoalkan prosesnya kelulusannya yang cepat.

Banyak syarikat lain berlumba untuk menemukan vaksin bagi COVID-19, yang sudah mubnuh lebih 1.5 juta orang dan menjangkiti lebih 66 juta di seluruh dunia selepas virus pertama kali ditemui di China hampir setahun lalu. AFP



Bahrain meluluskan penggunaan kecemasan vaksin COVID-19 Pfizer-BioNTech bagi mengurangkan kegelisahan awam di negara itu. (Foto hiasan)

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NEGARA

Negara alami kerugian RM300 juta sehari jika terus laksana PKPB

Rentas negeri, daerah dibenar esok

Oleh ZULKIFLI MANZOR

PETALING JAYA – Kerajaan membenarkan pergerakan rentas negeri dan daerah di seluruh negara bermula esok.

Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, sekatan rentas negeri dan daerah di seluruh negara ditamatkan bermula 7 Disember.

Menurut beliau, pergerakan adalah dibenarkan tanpa perlu mendapatkan kebenaran polis kecuali di kawasan yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

"Mulai 7 Disember ini polis tidak lagi adakan sekatan jalan raya, tetapi arahan kepada pihak polis memfokuskan kepada pematuhan SOP. Selepas ini polis dan 'Task Force' akan berada di mana-mana untuk memantau pematuhan SOP," katanya pada sidang akhbar semalam.

Terdahulu, Ismail Sabri menjelaskan, Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara dijangka mengalami kerugian sebanyak RM300 juta sehari jika Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) terus dilaksanakan.

Kata beliau, keadaan ini akan mengakibatkan kemerosotan pasaran buruh, penurunan perbelanjaan isi rumah, peningkatan ketidaktentuan pelaburan, kehilangan pekerjaan tetap dan



ORANG ramal boleh melakukan pergerakan rentas negeri tanpa kebenaran polis kecuali di kawasan yang dikenakan perintah PKPD. – GAMBAR HIASAN

penutupan perniagaan.

Sehubungan itu, katanya, Sidang Khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) selepas mendapat nasihat Kementerian Kesihatan (KKM) bersetuju PKPB di

Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Putrajaya, Negeri Sembilan dan Labuan ditamatkan bermula hari ini kecuali di beberapa kawasan yang dikenal pasti masih mengalami peningkatan kes positif.

Sementara itu, Kuala Lumpur dan Selangor masih dilanjutkan PKPB sehingga 20 Disember berikutan peningkatan kes kecuali bagi daerah Sabak Bernam, Hulu Selangor, dan Kuala Selangor

Angka Terkini Kes Covid-19 Di Malaysia sehingga semalam

	Jumlah
• Kes baharu	1,123
Import: 5 Tempatan: 1,118	
• Pulih	1,143
• Kematian	4
• Masih dirawat	10,775
• Jumlah kes sembuh	60,204
• Jumlah Kematian	380
Jumlah Kes keseluruhan	71,359

yang akan kembali ke PKPP.

Pada masa yang sama, Ismail Sabri berkata, PKPB di Kulim, Kedah yang sepatutnya berakhir hari ini akan dilanjutkan sehingga 20 Disember depan berikutan terdapat 334 kes positif bagi kluster di Kulim.

Di Johor pula, PKPB di daerah Mersing ditamatkan hari ini seperti yang dijadualkan, manakala PKPB di Kota Tinggi dilanjutkan sehingga 20 Disember, sementara daerah Johor Bahru, Batu Pahat dan Kulai dikenakan perintah PKPB bermula 7 Disember hingga 20 Disember depan.

Kes tinggi di Lembah Klang, empat kluster baharu direkod

Oleh NOR IDAYU BOSRO

PUTRAJAYA – Negeri-negeri di Lembah Klang melaporkan jumlah kes Covid-19 sebanyak 490 semalam dengan paling tinggi dicatatkan di Kuala Lumpur sebanyak 265 kes diikuti Selangor (221) dan Putrajaya (empat).

Sabah pula merekodkan jumlah kes harian sebanyak 391 kes daripada 1,123 jumlah keseluruhan yang dilaporkan semalam.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah itu, 1,118 kes adalah penularan tempatan manakala lima adalah kes import.

Beliau berkata, sebanyak 49 kluster melaporkan pertambahan kes semalam dengan kes tertinggi di Kluster Tapak Bina Bulatan sebanyak 162 yang menjadi penyumbang utama kepada peningkatan kes di Kuala Lum-



NOOR HISHAM melakukan tinjauan keselamatan Pusat Kuarantin dan Rawatan Covid-19 Berisiko Rendah (PKRC) di Politeknik Port Dickson, semalam.

pur. Menurutnya, kluster sedia ada yang turut melaporkan pertambahan kes ialah Kluster Ria-30 dan Kluster Batu Tujuh masing-masing sebanyak 51 dan 39 kes.

Katanya, terdapat empat klus-

ter baharu turut dilaporkan semalam iaitu Kluster Tapak Bina Bulatan, Kluster Andalas, Kluster Jalan Domis dan Kluster Batu Tiga.

"Kluster Tapak Bina Bulatan melibatkan daerah Cheras, Titi-

wangsa dan Lembah Pantai di Kuala Lumpur selepas kes indeks positif pada 2 Disember lalu hasil saringan sebelum ke luar negara.

"Sebanyak 163 lagi dikesan positif hasil saringan terhadap 319 individu," katanya dalam satu

kenyataan di sini semalam.

Noor Hisham berkata, Kluster Andalas melibatkan daerah Klang selepas kes indeks dilaporkan positif hasil saringan bergelaja dengan 16 lagi dikesan positif dalam kluster itu.

Katanya, bagi Kluster Jalan Domis dan Kluster Batu Tiga pula dilaporkan di Sabah.

"Lima kluster turut ditamatkan semalam iaitu Kluster Fores, Kluster Aero, Kluster Sungai Way, Kluster Baki dan Kluster Seladah. Sementara itu, Noor Hisham berkata, terdapat penambahan empat kematian melibatkan kesemua mangsa lelaki berusia 46 hingga 75 tahun.

Beliau berkata, tiga daripadanya melibatkan warganegara iaitu kematian ke-377 hingga ke-379 yang dilaporkan di Sabah dan Johor manakala seorang warga asing kes ke-380 dilaporkan di Hospital Shah Alam.

AKHBAR : SINAR AHAD

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : MEMERANGI WABAK COVID-19

Empat lagi kluster baharu dikesan

Melibatkan dua kawasan di Sabah dan masing-masing satu di KL serta Selangor

KUALA LUMPUR

Sebanyak empat lagi kluster baharu Covid-19 dikesan di negara ini melibatkan dua kawasan di Sabah dan masing-masing satu di Kuala Lumpur serta Selangor.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, kluster pertama iaitu Kluster Batu Tiga melibatkan daerah Tawau di Sabah dengan kes awal positif Covid-19 dilaporkan pada 17 November hasil saringan individu bergejala.

“Sehingga hari ini (semalam), sejumlah 28 individu telah disaring dan kesemuanya



DR NOOR HISHAM

telah dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini,” katanya dalam satu kenyataan mengenai perkembangan Covid-19 di sini semalam.

Dr Noor Hisham berkata,

kluster kedua pula ialah Kluster Jalan Domis melibatkan daerah Penampang, Kota Kinabalu dan Tongod di Sabah dengan kes awal positif Covid-19 dilaporkan pada 29 November lalu hasil saringan kontak rapat.

Beliau berkata, daripada 132 individu yang disaring, 12 telah dikesan positif Covid-19 dalam kluster tersebut setakat semalam.

Dalam pada itu, Dr Noor Hisham berkata, kluster ketiga pula ialah Kluster Andalas melibatkan daerah Klang di Selangor dengan kes awal positif Covid-19 dilaporkan pada 3


Disember hasil saringan individu bergejala.

“Sehingga hari ini (semalam), sejumlah 43 individu telah disaring dan 16 kes telah dikesan positif Covid-19 dalam kluster ini,” katanya.

Bagi kluster keempat ialah Tapak Bina Bulatan melibatkan daerah Cheras, Titiwangsa dan Lembah Pantai di Kuala Lumpur dengan kes awal positif Covid-19 dilaporkan pada 5 Disember hasil saringan sebelum ke luar negara.

Sebanyak 163 kes telah dikesan positif Covid-19 dalam kluster tersebut daripada 319 individu yang disaring. - *Bernama*

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA SETAKAT SEMALAM



AKHBAR : NEW SUNDAY TIMES

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION/NEWS

SECOND DAY IN A ROW

RECOVERIES EXCEED NEW CASES AGAIN

There were 1,143 recoveries and 1,123 new Covid-19 cases yesterday

THARANYA ARUMUGAM
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

FOR two straight days, the number of Covid-19 recoveries has exceeded the new cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the Health Ministry yesterday recorded 1,123 new Covid-19 cases, a slight decrease from the 1,141 reported on Friday.

He said 1,143 patients were discharged on Saturday compared with 1,144 on Friday.

"This brings the tally of recovered cases to 60,204, or 84.4 per cent of the total number of cases," he said yesterday.

Selangor registered the highest number of recoveries at 275 cases, followed by Sabah (263), Kuala Lumpur and Putrajaya (210), Negeri Sembilan (176), Perak (66), and Penang (63).

Kedah saw 28 recoveries, followed by Labuan (25), Johor (20), Kelantan (12), Pahang (three) and one each in Melaka, Terengganu and Sarawak. Perlis had no new recoveries.

Dr Noor Hisham said the Klang Valley contributed the most new cases at 490 (43.6 per cent), followed by Sabah (391 or 34.8 per

cent) and Kuala Lumpur (265 or 23.6 per cent).

"Kuala Lumpur logged 265 new cases, the highest in the Klang Valley, followed by Selangor (221) and Putrajaya (four)."

Johor logged 66 cases, followed by Penang (44), Perak (39), Kelantan (35), Kedah (30), Negeri Sembilan (10), Labuan (10), Pahang (two) and Sarawak (one).

"This raises the tally of Covid-19 infections nationwide to 71,359, including 10,775 active cases," Dr Noor Hisham said.

Of the new cases yesterday, only five were imported.

Dr Noor Hisham said 40 cases involved clusters at temporary detention centres and prisons, namely the PTS Sibuga cluster (27) and Tembok cluster (13).

A total of 130 Covid-19 patients were being treated in Intensive Care Units, with 54 requiring breathing assistance, he said.

"Four more Covid-19 deaths have been recorded today (yesterday), two in Sabah and one each in Johor and Selangor, bringing the tally of deaths nationwide to 380."

The Health Ministry detected four new Covid-19 clusters.

They are the Batu Tiga cluster in Tawau, Sabah; Jalan Domis cluster in Penampang, Kota Kinabalu and Tongod in Sabah; Andalas cluster in Klang, Selangor; and, Bulatan construction site cluster in Cheras, Titiwangsa and Lembah Pantai in Kuala Lumpur.

Dr Noor Hisham said the index case (Case 49,006) of the Batu Tiga cluster was confirmed positive on Nov 17 following a symptomatic screening.



"Up to Dec 5 (yesterday), 28 individuals have been screened, with all testing positive."

For the Jalan Domis cluster, he said, the index case (Case 63,267) tested positive on Nov 29 following close-contact screening.

A total of 132 people linked to the cluster had been screened, with 12 testing positive.

For the Andalas cluster, he said, the index case (Case 68,771) was identified on Thursday after symptomatic screening.

"Up to Saturday (yesterday), 43

people (linked to the cluster) have been screened, with 16 testing positive."

He said the index case (Case 67,708) of the Bulatan construction site cluster tested positive on Wednesday during a screening before travelling abroad.

"To date, 319 people connected to the cluster have been screened, with 163 testing positive."

He said up to yesterday, 385 clusters have been reported to the ministry, including the four newest ones.

A total of 198 clusters have ended, including five that ended yesterday, namely the Fores, Aero, Sungei Way, Baki and Seladah clusters.

"This brings the total number of active clusters to 187.

"Of that, 49 clusters reported an increase in cases on Saturday (yesterday).

"The clusters that reported the highest increase in new cases are the Bulatan construction site cluster (162), Ria-30 cluster (51) and Batu Tujuh cluster (39)."

AKHBAR : SUNDAY STAR

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NATION

1,123 new Covid-19 cases recorded

PUTRAJAYA: A total of 1,123 new Covid-19 cases have been recorded – the most in Sabah with 391 cases.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said there had been four new fatalities, bringing the death toll to 380.

Two deaths involved Sabahan men, aged 64 and 75, in Tawau and Kota Kinabalu. Another 64-year-old man died in Kluang, Johor, while a 46-year-old foreign man died in Shah Alam.

A total of 1,143 patients were discharged, bringing the number of recoveries to 60,204 or a rate of

84.4%. There are now 10,775 active cases in the country.

Cumulatively, there have been 71,359 Covid-19 cases recorded in Malaysia since the outbreak began.

Aside from the 391 cases in Sabah, Kuala Lumpur recorded 265 cases followed by Selangor (221), Johor (66), Penang (44), Perak (39), Kelantan (35), Kedah (30), Labuan (10), Negri Sembilan (10), Melaka (five), Putrajaya (four), Pahang (two) and Sarawak (one).

Meanwhile, Dr Noor Hisham said four new clusters had been detected across the country.

“In Tawau, the Batu Tiga cluster involved an index patient (case 49,006) who tested positive on Nov 17 after showing symptoms,” he said.

A total of 28 individuals have been screened until Dec 5 with all recording positive results, he added.

“The Jalan Domis cluster in Penampang, Kota Kinabalu and Tongod involved an index patient (case 63,267) who tested positive on Nov 29 following close contact screenings.

“Until Dec 5, a total of 132 individuals were screened with 12 testing positive,” he said yesterday.

He said in Klang, the Andalas cluster involved an index patient (case 68,771) who tested positive on Dec 13 after showing symptoms.

“Until Dec 5, 43 individuals were screened and 16 tested positive.

“The Bulatan construction site cluster in Cheras, Titiwangsa and Lembah Pantai in Kuala Lumpur involved an index patient (case 67,708) who tested positive on Dec 2 following screenings before going overseas.

“Until Dec 5, 319 individuals were screened and 163 of them tested positive,” he said.